



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN (DKBPWP) SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2019**

Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang & Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) lazimnya diadakan pada 1 Februari setiap tahun sempena Hari Wilayah Persekutuan dan disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara. Istiadat tersebut dizahirkan bagi mengiktiraf jasa dan bakti yang diberikan oleh individu kepada Wilayah Persekutuan secara khusus dan negara amnya.

Ingin dimaklumkan majlis Istiadat DKBPWP pada 1 Februari 2019 ditangguhkan ke suatu tarikh baharu yang bakal diperkenankan oleh pihak Istana Negara.

**TUAN HAJI-KHALID BIN ABD SAMAD**

Menteri Wilayah Persekutuan

25 Januari 2019